

PENILAIAN BAHAN PEMBELAJARAN SASTERA KONTEMPORARI BAHASA INGGERIS DARJAH EMPAT SEKOLAH RENDAH

Helmy Bin Mustafa*

Chin Hai Leng*
chin@um.edu.my

Ghazali Darulsalam*
drgha@um.edu.my

Alina Ranee*
alinaranee@yahoo.com

*Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract: The purpose of this research aim to develop a web based learning in teaching and learning Year Four English Literature Components. The chosen topic for Year Four English Literature component is “Tidy your room, Tanya” The web based learning developed by using the ADDIE model. Five stages involved in the development of website are analysis, design, develop, implementation and evaluation. This research involved 60 students and two teachers from one primary school in the Jasin District of Malacca. Questionnaires were used to get the information needed. The objectives are the usage of Constructivism Learning Theory and collaboration strategy in the web based environment. The data collected show that collaboration strategy had been applied successfully in the web based learning environment. Student perception towards web based learning environment can be seen from the contents and interface design used in the learning environment. It is hoped that the development of this website will attract students in learning and teachers in teaching literature component which will also help them to acquire language skills. The result of this research shows that the development of the web based learning has achieved its goals with the specification outline in research objectives.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris telah mengalami pelbagai perubahan dan pembangunan (Che Ton, 2005). Antara perubahan yang terkini adalah pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Keputusan peperiksaan awam sejak tahun 1999 menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris mengalami kemerosotan (Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak, & Zalizan Mohd Jelas, 2004). Keputusan peperiksaan awam bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat kebangsaan tidak pernah mencecah 70%. Fenomena ini terjadi kerana ketidaksguguhan dan sikap pelajar itu sendiri (The Star, 2001).

Masalah yang dihadapi ialah kadar pembacaan bahan dalam Bahasa Inggeris juga telah menurun secara serius. Ini secara langsung telah mengurangkan pendedahan pelajar terhadap subjek ini. Kajian yang dilakukan oleh Parilah Shah (2000) pula menyimpulkan bahawa kemerosotan pencapaian pelajar adalah disebabkan oleh cara pengajaran guru yang kurang berkesan. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan dan mengimplemtasikan sebuah lagi program untuk menyelesaikan masalah ini.

Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat ideal dengan wujudnya kepelbagaiannya stail pembelajaran dalam kalangan pelajar (Nurmala, 2006). Nor Hayati (2002) juga menyokong tentang pentingnya komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan beliau menunjukkan bahawa komputer boleh dijadikan ABM yang menarik minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran lebih-lebih lagi matapelajaran yang kurang diminati.

Maka dengan ini kajian ini bertujuan untuk membangunkan bahan pembelajaran bagi Sastera Kontemporari Bahasa Inggeris Darjah Empat. Melalui penggunaan teknologi multimedia, kajian ini dapat meningkatkan keberkesaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris secara amnya dan komponen sastera secara khususnya. (Chua, 2002; Jamaluddin, Baharuddin Aris, & Zaidatun Tasir, 2001; Rosni, 2001; Zarul, 2002). Pembinaan bahan pembelajaran ini diharapkan dapat memberi sumbangan sebagai salah satu alternatif pengajaran dan pembelajaran. Adalah juga diharap pembangunan bahan pembelajaran ini dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap komponen kesusteraan Bahasa Inggeris. Penggunaan bahan pembelajaran di atas talian adalah strategi

yang berpusatkan pelajar dan menggalakkan penglibatan pelajar secara kolaboratif. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan beban guru apabila berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kekurangan bahan pembelajaran, pelajar yang ramai, kekangan masa dan sebagainya.

TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan berkenaan Strategi Pembelajaran Kolaboratif yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Konsep pembelajaran berasaskan web dan kajian lepas yang berkaitan juga diterangkan di dalam bahagian ini. Bahagian ini juga turut membincangkan berkenaan strategi yang digunakan dalam pembelajaran berasaskan web, keberkesanan penggunaan dan kesan pembelajaran berasaskan web. Kajian lepas yang dirujuk merangkumi dari segi penggunaan bahan pembelajaran berasaskan web, strategi yang digunakan dalam membangunkan bahan pembelajaran berasaskan web dan kesan pembelajaran berasaskan web kepada pelajar.

Strategi Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif adalah merujuk kepada satu pendekatan pembelajaran yang melibatkan hubungan kepakaran dalam kalangan pelajar, atau di antara pelajar dengan guru secara bersama-sama (Smith & MacGregor, 1992). Menurut Schrage (1990), pembelajaran kolaboratif merupakan satu aktiviti yang melibatkan kerjasama dan hasil-hasil penemuan dikongsi bersama. Pembelajaran secara kolaboratif dapat membantu pelajar membina pengetahuan yang lebih bermakna jika dibandingkan dengan pembelajaran secara individu. Dengan menjalankan aktiviti dan projek pembelajaran secara kolaboratif kemahiran-kemahiran seperti berkomunikasi dan berinteraksi dapat dipelajari oleh pelajar (Duffy & Jonassen, 1992).

Pada umumnya terdapat dua jenis aktiviti kolaboratif iaitu pembelajaran kolaboratif secara formal dan tidak formal. Pembelajaran kolaboratif secara formal merupakan kumpulan yang dibentuk dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang spesifik, seperti eksperimen dalam makmal, menulis laporan, menghasilkan projek atau menyediakan sesuatu kertas kerja. Kumpulan ini mungkin menyelesaikan tugas dalam satu sesi kelas atau melibatkan satu jangkamasa yang agak panjang. Kebiasaannya pelajar bekerja bersama sehingga setiap tugas sempurna dilaksanakan dan tugas tersebut dinilai.

Pembelajaran kolaboratif secara tidak formal pula adalah membentuk kumpulan pelajar sementara dengan membahagikan pelajar dalam sesuatu sesi kelas pembelajaran, contohnya meminta pelajar membincangkan sesuatu topik yang diberi kepada kumpulan pelajar, meminta kumpulan pelajar menyelesaikan soalan yang diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan, membentuk kumpulan pembelajaran secara tidak formal pada bila-bila masa dalam menguji kefahaman pelajar terhadap bahan pembelajaran, memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan atau menggunakan apa yang telah dipelajari atau menyediakan peluang untuk memperkembangkan apa yang dipelajari. Dalam semua situasi kolaboratif, setiap ahli kumpulan berinteraksi dalam kumpulan dan memerlukan penghormatan tentang kebolehan dan sumbangan ahli kumpulan. Perkara asas pembelajaran kolaboratif ialah pembinaan pemuaafakan melalui kerjasama ahli kumpulan. Oleh itu, setiap ahli berperanan dan bertanggungjawab terhadap kumpulan masing-masing. Ia juga tidak seharusnya wujud situasi persaingan dalam kalangan ahli di mana setiap ahli cuba mengatasi orang lain (Duffy & Jonassen, 1992).

Pembelajaran kolaboratif atas talian juga boleh merupakan satu sistem pembelajaran yang dilaksanakan secara elektronik atau e-pembelajaran iaitu suatu cara baru dalam proses pembelajaran. E-kolaboratif dan e-pembelajaran membolehkan pelajar belajar di mana sahaja tanpa kehadiran guru secara langsung. Peranan guru telah diambil alih oleh komputer. Pembelajaran kolaboratif atas talian telah dimajukan lagi dengan munculnya teknologi Web 2.0 pada 2003 yang diperkenalkan oleh O'Reilly Media (Wikipedia). Web 2.0 memberi ciri yang unik dengan membolehkan pengguna berkolaborasi secara atas talian (*online*).

Kelebihan Pembelajaran Secara Kolaboratif

Kajian terhadap pembelajaran kolaboratif menunjukkan terdapat banyak kebaikan. Pembelajaran kolaboratif menggalakkan pemikiran secara kritis dan menggalakkan pelajar mengemukakan idea dan pendapat masing-masing (Gokhale, 1995). Semasa aktiviti perbincangan, pelajar bebas memberi pendapat, menerima idea ahli-ahli dalam kumpulan dan membahaskan idea yang dikemukakan. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kemahiran pemikiran secara kritikal. Pembelajaran kolaboratif menggalakkan dan menekankan pembinaan kumpulan (team building). Setiap kumpulan menyelesaikan sesuatu masalah secara bersama-sama. Pembelajaran kolaboratif membolehkan tugas yang lebih mencabar dilakukan tanpa membuat bebanan dalam tugas yang tidak munasabah (Panitz, 1997).

Menurut Romney (1996), kelebihan pembelajaran secara kolaboratif membolehkan seseorang pelajar berkongsi kesulitan yang dialami dengan pelajar lain ketika menyelesaikan sesuatu masalah dan meminta pandangan mereka untuk mengatasi masalah tersebut. Ini melatih pelajar untuk bercakap dan mengemukakan pendapat dalam kumpulan kecil tanpa perasaan rendah diri, sanggup menerima kritikan dan pandangan orang lain dan bersedia berkompromi dalam sesuatu situasi. Kelebihan lain pembelajaran kolaboratif atas talian ini ialah ia boleh dijalankan secara '*synchronously*' (pada waktu yang sama) atau '*asynchronously*' (pada waktu yang berbeza). Bahan pengajaran dan pembelajaran boleh disampaikan melalui media ini mempunyai ciri-ciri multimedia seperti teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Ia juga menyediakan kemudahan untuk '*discussion group*' serta membolehkan bimbingan dijalankan dalam talian 'online' (Learnframe, 2001).

Hari ini, pembelajaran kolaboratif atas talian menjadi suatu saluran alternatif yang popular dalam dunia pendidikan. Pembelajaran ini mula berkembang luas dan amat sesuai terutamanya kepada pendidikan yang dianjurkan secara jarak jauh (*distance learning*) yang membolehkan pelajar tidak perlu datang menghadiri kelas seperti kebiasaan kelas tradisional (Soekartawi, 2006, hlm. 52-53). Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa perubahan yang besar daripada kebergantungan kepada guru sebagai penyampai ilmu kepada keperluan pelajar meneroka ilmu di atas daya usaha sendiri dengan guru bertindak sebagai fasilitator.

Teknik Pembelajaran Kolaboratif

Terdapat pelbagai jenis teknik pembelajaran kolaboratif telah dibangunkan bagi menyokong aktiviti kolaboratif di dalam kelas seperti Teknik Integrasi Koperatif Pembacaan dan Pemahaman (Madden et al., 1986). Ia merupakan aktiviti kolaboratif yang melibatkan pelajar bekerja secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil. Teknik ini melibatkan kerjasama dalam kalangan pelajar dalam mengukuhkan kemahiran bacaan dan kefahaman; Teknik Ko-op Ko-op (Kagan, 1985) yang memberi penekanan kepada penglibatan pelajar mencari maklumat secara mendalam berkaitan tajuk-tajuk yang mereka minati secara individu atau kumpulan kecil. Penyiasatan Berkumpulan yang diperkenalkan oleh Sharan et al. (1984). Ia merupakan satu aktiviti yang melibatkan pelajar bekerja dalam kumpulan kecil bagi mencari maklumat untuk dibincang dan dirumuskan di peringkat kumpulan untuk dibentangkan kepada ahli kelas yang lain; Divisyen Kumpulan Pencapaian Pelajar (Slavin (1980) yang merupakan satu teknik yang melibatkan persaingan antara kumpulan dan pemberian penghargaan. Pelajar diagihkan kepada kumpulan mengikut jantina, kebolehan dan etnik. Pelajar berbincang dalam kumpulan bagi menguasai pembelajaran yang diajar. Semua pelajar kemudiannya dikehendaki menjawab kuiz secara individu. Skor yang diperolehi oleh setiap individu akan dijadikan pemarkahan kumpulan; Pasukan-Permainan-Pertandingan (DeVries dan Slavin, 1978), yang melibatkan aktiviti pertandingan dalam kumpulan kecil. Pemenang bagi setiap pusingan akan berlawan dengan kumpulan yang lain. Markah dikumpulkan dikira berdasarkan bilangan pertandingan yang disertai oleh sesuatu kumpulan.

Selain itu, dalam Kelas Jigsaw yang diperkenalkan oleh Aronson et al. (1978), setiap ahli dalam kumpulan diberi tugas, permasalahan atau topik. Kemudiannya, ahli kumpulan dari kumpulan yang berbeza dan mempunyai tugas yang sama berjumpa dan berbincang di antara satu sama lain. Akhirnya, mereka kembali kepada kumpulan asal dan berkongsi keputusan atau maklumat yang telah dibincangkan. Dalam Pusingan Pembelajaran (Johnson & Johnson, 1975) satu aktiviti kolaboratif memerlukan setiap ahli dalam kumpulan mencari maklumat dan bahan pembelajaran untuk dikongsi bersama-sama dalam kumpulan masing-masing. Penilaian dilakukan berdasarkan tahap dan pencapaian kumpulan. Teknik-teknik lain yang digunakan dalam melaksanakan aktiviti kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk perbincangan secara kumpulan, projek secara berkumpulan persebahan secara berkumpulan, kuiz kolaboratif dan belajar secara berkumpulan.

Pengajaran Komponen Sastera Berbantuan Komputer

Dalam kajian oleh Hwang Tchun Ye (2005) ke atas pendekatan pengajaran dan pembelajaran guru dalam komponen sastera Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah kawasan pedalaman di Daerah Sandakan, didapati bahawa matlamat pengajaran sastera kurang mendapat respon daripada pelajar-pelajar kerana beberapa kekangan dalam proses pembelajarannya. Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah oleh pelajar-pelajar dan teknik penyampaian guru tidak efektif juga menjadi punca kepada permasalahan ini. Beliau mengesyorkan agar guru-guru mencari jalan penyelesaian supaya pendekatan guru bukan berfokuskan kepada peperiksaan sahaja sebaliknya berusaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran komponen sastera Bahasa Inggeris.

Yesuiah (2003) mencadangkan supaya guru-guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam komponen sastera agar dapat mendorong pelajar belajar dalam keadaan kondusif di dalam kelas ESL. Cadangan beliau disokong oleh Suriya Kumar (2004), di mana faktor-faktor yang mendorong amat perlu dalam kaedah pengajaran guru untuk memupuk minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Beliau juga menyarankan Computer Based Learning (CBL) yang boleh mendorong pelajar supaya terlibat secara kreatif di dalam kelas ESL.

Dalam kajian yang dibuat oleh Zamrudah (2001), di dapat guru-guru kurang mempunyai pengetahuan komponen sastera dan tidak menggunakan kaedah pengajaran yang menarik menyebabkan pelajar-pelajar tidak terdorong untuk mengikuti subjek komponen sastera Bahasa Inggeris.

Pernyataan ini telah diperkuuh oleh Fauziah Ahmad (2006) dalam tesis tentang kaedah pengajaran komponen sastera Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Menengah, di mana guru-guru berada dalam keadaan dilema kerana komponen sastera adalah satu mata pelajaran baru yang diperkenalkan disekolah mulai tahun 2002 dan mereka kurang arif dalam penguasaan ilmu sastera serta penggunaan kaedah pengajaran yang efektif. Oleh yang demikian, beliau menyarankan agar guru-guru bertindak melengkapinya dengan ilmu sastera dan berusaha menggunakan kaedah pengajaran yang terbaik dan terkini dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang selaras dengan kehendak wawasan 2020.

Kajian dalam pembangunan dan penilaian perisian multimedia bagi komponen sastera Bahasa Inggeris Tingkatan Satu telah dilaksanakan oleh Zuraidah (2003). Rumusan yang dapat dibuat oleh beliau ialah pelajar mempunyai minat dan mendapat dorongan untuk mempelajari sajak dalam komponen sastera Bahasa Inggeris. Beliau telah menggunakan teknik ujian pra dan pasca, soal selidik, temu bual dan pemerhatian dalam kajiannya. Dengan itu beliau telah menyimpulkan bahawa kaedah pembelajaran berbantuan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera berjaya memperkayakan pengalaman pembelajaran dan sikap mereka terhadap komponen sastera adalah amat memberangsangkan.

Cheung dan Hew (2002, hlm.15-22) dalam kajian mereka berkenaan kebaikan membaca teks Bahasa Inggeris melalui multimedia pula mendapat pembacaan teks Bahasa Inggeris melalui multimedia membawa beberapa kebaikan seperti berikut: membantu pelajar memberi tumpuan kepada isi kandungan teks dan susunan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam teks; menyediakan persekitaran pembelajaran kendiri di mana ia membantu pelajar mengawal kadar kepastisan bacaan mengikut kemampuan mereka; membantu menggerakkan minat membaca dalangan kalangan pelajar; membuatkan mereka merasa seronok untuk melaksanakan aktiviti bacaan; membantu pelajar mempelajari perkataan-perkataan yang selama ini tidak di ketahui kerana pembacaan teks melalui multimedia memberi pelajar peluang memahami maksud perkataan melalui konteks dan gambar; memberi pelajar tunjuk ajar dan latihan dalam mempelajari intonasi dan menyebut perkataan mengikut fonetik Bahasa Inggeris yang rasmi; memberi pelajar peluang untuk memeriksa pemahaman mereka terhadap apa yang telah dipelajari melalui soalan-soalan latihan kefahaman bacaan yang terdapat di dalam perisian.

Selain itu, terdapat juga kajian mengintergrasikan teknologi ke dalam bilik darjah. Kajian mendapati teknologi secara bersendirian tidak membolehkan terjadinya perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan guru dengan mudah dapat mengelak menggunakan teknologi (Norizan, 2005).

Kesan Penggunaan Bahan Pembelajaran Berasaskan Web

Menurut Khan (1997), pembelajaran berasaskan web atau dikenali sebagai web based instruction (WBI) ialah program pembelajaran berasaskan hipermedia yang memanfaatkan susun atur serta sumber dari World Wide Web. Terdapat pelbagai medium atau platform yang sesuai digunakan untuk mengaplikasikan pembelajaran berdasarkan web seperti blog, wikispaces, webquest dan lain-lain. Contohnya, wikispaces amat sesuai digunakan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran berdasarkan web. Menurut David Frydenberg dan Gulati (2007), wikispaces dan blog adalah aplikasi web secara kolaboratif bagi penyampaian maklumat di dalam World Wide Web dan mempunyai pelbagai kegunaan di dalam pendidikan tinggi.

Kajian Frydenberg (2007) terhadap 145 orang pelajar di Kolej Bentley, mendapati bahawa majoriti pelajar merasakan wikispaces menyumbang kepada pembelajaran mereka. Disamping itu, interaksi menggunakan wikispaces menyerlahkan kelebihannya sebagai satu alat pembelajaran kolaboratif. Menurut Mindel dan Verma (2006) dan Guth (2007), wikispaces menjadi alat bagi kumpulan pelajar untuk melaksanakan *authoring* dan analisis secara kolaboratif, membina kajian literatur bagi projek penyelidikan, berkongsi nota pembelajaran, penglibatan di dalam penandaan lembaran kerja, membuat rumusan hasil pembacaan, mengirim rumusan projek, berkomunikasi dengan pelajar dan mencipta pengetahuan asas.

Antara ciri utama web yang tidak terdapat dalam media lain ialah kebolehan menyediakan persekitaran yang membenarkan pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain atau pelajar berinteraksi dengan persekitaran laman web itu sendiri. Penggunaan laman web pada masa kini telah memberikan impak terhadap pembelajaran secara tradisional. Ia merupakan satu perubahan yang besar dalam industri komputer pada tahun 1990-an. Penggunaan laman web juga telah memudahkan hala tuju bidang pendidikan selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang mengutamakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan web dapat memberikan pelbagai jenis kemudahan kepada guru dalam menghasilkan persekitaran pembelajaran yang efektif serta pengurusan bahan pengajaran. Disamping itu, pelajar juga akan terlibat secara aktif dalam proses P&P. Menurut Pang (1998) penggunaan web dalam menginterasikan P&P melibatkan penemuan dan penerimaan sumber, komunikasi dalam melakukan aktiviti P&P serta menghasilkan web.

Bagi mengoptimumkan penggunaan web ke arah pengajaran yang lebih berkesan, guru haruslah merancang aktiviti pembelajaran di samping mengambil kira isi kandungan, penilaian formatif dan sumatif terhadap pelajar, melihat keperluan dan pengalaman pelajar semasa membina dan menerbitkan web serta mewujudkan unsur kolaboratif dan koperatif melalui web.

Law et al. (2002) mendapati bahawa pelajar bersikap lebih positif, berupaya mempelajari kemahiran literasi maklumat dengan menggunakan Internet dan berupaya mereka bentuk laman web bagi mempersebaharuan projek mereka. Jaffa (2004) pula mendapati penggunaan kaedah pembelajaran seperti E-Pembelajaran telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Misalnya pelajar yang menggunakan E-Pembelajaran untuk enam jam atau lebih mencapai lima GCSE mata lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak menggunakan E-Pembelajaran.

Menurut Sims (1997), mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pendidikan mampu meningkatkan prestasi pelajar daripada 10 hingga 20 peratus lebih daripada kaedah pengajaran konvensional. Shane (dalam Kamaruzzaman, 2001) menegaskan bahawa penggunaan komputer dalam P&P di sekolah mempunyai kesan seperti berikut: mengembangkan dalam diri pelajar sikap ingin tahu atau, proses pertanyaan melalui pangkalan data; membenarkan guru merancang aktiviti mengikut perbezaan individu melalui penggunaan perisian yang pelbagai; melunjurkan peluang pembelajaran melalui jaringan komputer; memberi para guru alat untuk memantau pencapaian akademik individu; mencabar pelajar pintas-cerdas dengan pelbagai jenis kategori kuantiti elektronik bermaklumat yang berbeza dari pengajaran tradisional; membantu pelajar lemah dengan pengalaman kendiri bersesuaian dengan tahap mereka bagi mengelakkan dari tekanan yang mungkin dialami di dalam kelas biasa.

Wilson (2000) yang melihat kesan peralihan kaedah pengajaran kepada "Computer-aided English composition course" ke atas pelajar kelas penahanan (retention) dan kadar lulus menunjukkan implikasi yang positif. Hasil yang didapati menunjukkan peralihan kepada kelas elektronik meningkatkan kadar kelulusan pelajar. Kajian Stepp-Greany (2002) pula melibatkan teknologi untuk pembelajaran bahasa asing dan mendapati 43% pelajar dilaporkan ada peningkatan dalam kemahiran membaca manakala Lunde dalam Stepp-Greany (2002) melaporkan pelajar-pelajar Jepun yang terbabit dalam projek komputer sebagai perantara komunikasi menunjukkan peningkatan dalam kefahaman bacaan. Rozita Radhiah (2003) dalam kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan kaedah barbantuan komputer mampu menapis, memilih dan berfikir secara kritis dan kreatif maklumat-maklumat yang berkaitan atau tidak berkaitan dengan tajuk karangan mereka.

Kajian Thiele Jean (1999) terhadap 71 orang jururawat pelatih di dalam pembelajaran berdasarkan web mendapati bahawa format itu meningkatkan pembelajaran kolaboratif dan memperbaiki kemahiran menggunakan komputer. Pelajar juga yakin bahawa kursus tersebut membantu mereka memahami konsep dan idea. Lai (2007) yang telah menyelidiki kesan kursus berdasarkan web juga mendapati bahawa peserta memberi maklum balas yang positif terhadap persekitaran pembelajaran berdasarkan Web walaupun mereka menghadapi cabaran, masalah dan kekangan dalam mengikuti kursus ini. Motiwalla dan Tello (2000) pula melaporkan bahawa kebanyakan pelajar adalah berpuas hati dengan kursus berdasarkan web kerana faktor-faktor yang memotivasi pelajar seperti kualiti kursus serta keflexibelan kursus, iaitu dapat diikuti tanpa kekangan masa dan tempat.

Baharuddin Aris dan Mohamad Bilal Ali (2003) telah mengkaji perkembangan sekolah bestari dan penggunaan laman web dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan dari skor ujian pra dan pasca mendapati wujud peningkatan positif hasil kaedah pengajaran yang dikenakan. Selain itu, kaedah ini didapati sesuai digunakan untuk meningkatkan prestasi pelajaran dalam pembinaan konsep sains. Pembelajaran berdasarkan web juga telah melahirkan satu bentuk proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik kerana kemampuannya mengendalikan pembelajaran secara terbuka dan fleksibel selari dengan gaya pembelajaran pelajar yang berbeza-beza. Kelebihan ini menarik perhatian dan minat pelajar untuk belajar (Mohd Khairezan Rahmat & Zarina Samsudin, 2005). Persekitaran pembelajaran berdasarkan laman web juga telah mewujudkan satu peluang interaksi secara sinkronous dan asinkronous menerusi pembelajaran secara kolaboratif (Lau & Mohamad, 2002).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif berikut:

1. Membangunkan bahan pembelajaran bagi sastera kontemporari Bahasa Inggeris Darjah Empat.
2. Mengaplikasikan pembelajaran secara kolaboratif melalui laman web yang dibangunkan.
3. Meninjau persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran yang dibangunkan dari segi :
 - i. Reka bentuk antara muka
 - ii. Rekabentuk isi kandungan

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah pembangunan laman web tersebut dapat meningkatkan kefahaman pelajar tentang komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris?
2. Adakah bahan pengajaran ini dapat membantu pelajar dalam mengaplikasikan pembelajaran secara kolaboratif ?
3. Apakah persepsi pelajar terhadap bahan pengajaran yang dibangunkan dari segi :
 - i) Reka bentuk antara muka
 - ii) Rekabentuk isi kandungan

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan membina satu laman web bagi komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris Darjah Empat. Bab ini membincangkan berkenaan metodologi pembangunan laman web, spesifikasi keperluan dan reka bentuk kajian struktur dalam pembinaan laman web wikispaces bagi tajuk "Tidy Your Room, Tanya". Fasa yang terlibat dalam pembinaan laman web wikispaces ini iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian juga akan diterangkan didalam bab ini.

Reka Bentuk Kajian


Model yang ADDIE diguna pakai bagi membina laman web ini dan teori pembelajaran yang digunakan pula ialah teori pembelajaran Konstruktivisme yang menekankan strategi pembelajaran kolaboratif.

Model Pembangunan Reka Bentuk Pengajaran

Dalam pembangunan dan pembinaan laman web ini, pengkaji telah memilih reka bentuk model ADDIE sebagai panduan. Dalam Model reka bentuk instruksional ADDIE terdapat lima komponen utama yang boleh digunakan untuk merancang pengajaran yang sistematik. Komponen utama dalam Model ADDIE ialah fasa analisis, rekabentuk, pembangunan, perlaksanaan dan penilaian.

Model Reka Bentuk ADDIE

Dalam membangunkan bahan pembelajaran berdasarkan web, pengkaji telah memilih reka bentuk Model ADDIE sebagai panduan. Terdapat lima fasa didalam Model ADDIE iaitu fasa analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian.



Rajah 1. Model ADDIE: Diubahsuai dari Instructional Design and Training, (2007).Cain Publications, Inc.

Fasa analisis

Fasa ini adalah amat penting kerana iaanya membenarkan seseorang pembangun laman web memahami dengan jelas ciri-ciri utama sesuatu projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Berikut ialah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian didalam fasa analisis.

1. Kenal pasti isu dan masalah
2. Kenal pasti matlamat dan objektif pengajaran
3. Analisa keperluan pelajar
4. Kandungan pelajaran
5. Persekuturan pembelajaran

Secara ringkasnya, dalam mereka bentuk pengajaran, guru dan pembangun laman web perlu melakukan analisis terhadap:

1. Pengguna / pelajar.
2. Persekuturan pembelajaran
3. Kandungan pelajaran dan tingkah laku yang diharapkan daripada pelajar setelah selesai pengajaran.
4. Kenal pasti matlamat dan objektif pembelajaran

Seterusnya analisis mengenai pemilihan teori dan strategi pembelajaran dilakukan bagi memudahkan proses reka bentuk sistem pembelajaran. Pendekatan pembelajaran melalui Teori Konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan berdasarkan pengalaman dan kolaborasi. Strategi pembelajaran kolaboratif yang digunakan dalam membangunkan sistem pembelajaran menerusi web ini. Dalam fasa analisis ini, antara proses awal yang dilakukan ialah mengenalpasti isi kandungan komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris Darjah Empat.


Reka bentuk

Fasa kedua melibatkan reka bentuk, struktur, pendekatan pengajaran, teori pembelajaran dan jenis platform yang akan digunakan. Bagi reka bentuk antara muka pula, pembangun menggunakan “*wikispaces*” sebagai platform untuk menarik perhatian pelajar menggunakan bahan pembelajaran ini.

Pembangunan

Dalam mereka bentuk ruangan dalam WIKI, terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan oleh pengkaji seperti berikut:

1. Mendaftar sebagai ahli di www.wikispaces.com.
2. Membina satu laman web pembelajaran menggunakan aplikasi Wikispaces iaitu <http://englishskchenderah.wikispaces.com/>



Rajah 2. Maklumat wikispaces yang dibangunkan

3. Membina beberapa ruangan pembelajaran dalam laman wiki yang dibina iaitu:
 - a) Home
 - b) Unit Plan
 - c) Synopsis
 - d) The Story
 - e) Power point Slide
 - f) Activity 1
 - g) Activity 2
 - h) Activity 3
 - i) Pupils View
 - j) Reflection
 - k) Chatting
 - l) Dictionary Online
 - m) Links

Pelaksanaan

Laman web yang telah dibangunkan akan diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ciri terpenting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan laman web yang telah disediakan ialah ia perlu mengikut susunan yang telah ditetapkan. Dalam pelaksanaan, soal selidik diberikan kepada pengguna bagi tujuan penambahan laman web itu.

Penilaian

Penilaian merupakan proses akhir yang dilakukan dengan mendapatkan maklum balas daripada pengguna terhadap laman web tersebut dari isi kandungan bahan pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan, grafik, antara muka dan sebagainya. Terdapat dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif

Penilaian Formatif

Penilaian formatif merujuk kepada proses yang dijalankan secara peringkat demi peringkat mengikut keperluan fasa yang terlibat semasa pembangunan (Alessi & Trollip, 2001; Boyle, 1997). Guru dan pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah pengguna sebenar laman web ini dan perlu dirujuk untuk membuat penilaian formatif yang bertujuan untuk memperbaiki kandungan laman web yang telah dibangunkan

Setelah selesai menggunakan laman web pembelajaran ini, pelajar akan dikehendaki menjawab soal selidik untuk pengkaji mendapat maklumat dari segi peningkatan minat belajar serta motivasi pelajar. Pendapat mereka penting dalam memastikan sistem pembelajaran berasaskan web yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan pelajar. Hasil daripada penilaian ini digunakan untuk memperbaiki dan mengubahsuai laman web yang telah dibangunkan ini.

Penilaian Sumatif

Pelaksanaan dan penilaian sumatif akan dijalankan apabila keseluruhan sistem pembelajaran menerusi web siap dibina dan di muat naik melalui Internet. Ia juga sebagai menyemak semula laman web ini agar menepati matlamat, objektif dan kesesuaian pengguna (Asiah, 2006). Penilaian sumatif ini dijalankan bagi mengenal pasti penerimaan pelajar dari segi reka bentuk informasi, interaksi dan antara muka terhadap sistem pembelajaran yang dibangunkan di dalam membina pengetahuan dan kemahiran pelajar. Penilaian ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dari pelajar dan guru mengenai keseluruhan projek ini. Bagi guru mereka di minta memberi pendapat dari segi kesesuaian dan reka bentuk yang dibangunkan.

Penilai yang terlibat dalam proses penilaian sumatif ini terdiri daripada murid-murid dan guru-guru dari sebuah sekolah rendah di Daerah Jasin, Melaka. Data dan maklumat penilaian sumatif akan dianalisa dan dilaporkan dalam dapatan kajian. Setelah itu, responden dibenarkan menggunakan laman web dan seterusnya mengisi borang soal selidik.

Instrumen dan Responden Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Responden kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tahap dua yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris dan empat orang guru yang mengajar subjek ini dari dua Sekolah Rendah di Daerah Jasin, Melaka. Soal selidik dibina berasaskan kepada reka bentuk strategi pembelajaran, reka bentuk antara muka, reka bentuk interaksi, kesesuaian media, teknikal, maklumat pembangun dan komen serta cadangan.

Latar Belakang Responden

Hasil daripada kajian didapati responden lelaki adalah seramai 24 orang iaitu (40.0%), manakala responden perempuan seramai 36 orang (60.0%). Keadaan menunjukkan bahawa kaji selidik ini mempunyai responden perempuan melebihi responden lelaki seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Jantina Pelajar

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	24	40
Perempuan	36	60
Jumlah	60	100

Seramai 52 orang (86.7%) responden kajian adalah berbangsa Melayu manakala seramai 8 orang (13.3%) adalah berbangsa India. Tiada bangsa Cina atau lain-lain bangsa yang terdapat didalam kajian sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Bangsa Pelajar

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	52	86.7
Cina	-	-
India	8	13.3
Lain-lain	-	-
Jumlah	60	100

Borang Soal Selidik

Borang soal selidik ini dibahagi kepada dua jenis iaitu Borang Penilaian Pelajar dan Borang Penilaian Guru. Borang soal selidik dibina berasaskan kepada reka bentuk strategi pembelajaran, reka bentuk antara muka, reka

bentuk interaksi dan cadangan serta komen (Majid Konting, 2000). Bagi soalan yang menggunakan skala likert, skor penilaian bagi setiap item ialah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Taburan Markah Responden bagi Penilaian Menggunakan Skala Likert

Tahap Pemeringkatan	Skor
Sangat Setuju (SS)	5
Setuju (S)	4
	3
Tidak Pasti (TP)	
Kurang Setuju (KS)	2
Tidak Setuju (TS)	1

Data dikumpulkan melalui dua instrumen yang digunakan bagi tujuan penilaian sumatif. Instrumen-instrumen tersebut ialah instrumen borang soal selidik penilaian sumatif untuk melihat keseluruhan laman web oleh enam puluh orang pelajar sasaran dan instrumen borang soal selidik penilaian sumatif untuk melihat keseluruhan laman web oleh dua orang guru.

Instrumen borang kaji selidik sumatif mengandungi pilihan skala sangat setuju, setuju, tidak pasti, kurang setuju, dan tidak setuju. Berdasarkan data dan maklumat daripada responden yang mentadbir soal selidik, data dianalisa menggunakan peratus dan kekerapan skala bagi soalan bahagian A dan B iaitu maklumat murid dan kemahiran serta pengalaman murid menggunakan Internet. Manakala bagi bahagian C dan D yang menggunakan skala Likert, data akan dianalisis dengan peratus dan kekerapan. Dapatkan kajian dibahagian ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dengan menggunakan program SPSS. Oleh itu, dapatkan daripada analisa dan rumusan berikut dijadikan panduan untuk mendapatkan maklum balas daripada penilaian sumatif yang dilaksanakan. Hasil penilaian ini akan digunakan untuk proses kemas kini laman web dan pembangunan di masa akan datang.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam kajian soal selidik yang digunakan. Satu kajian rintis melibatkan 12 orang responden sebagai kajian awal yang terdiri daripada dua orang guru dan 10 orang murid dari sebuah sekolah di daerah Jasin, Melaka. Dapatkan kajian rintis menunjukkan bahawa item-item soal selidik difahami oleh responden dan tiada item yang tidak jelas atau kabur.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A terdiri daripada maklumat latar belakang responden iaitu jantina, dan bangsa. Bahagian B pula bertujuan mengumpul maklumat berkenaan kemahiran dan pengalaman responden menggunakan Internet. Manakala analisis data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian C dan Bahagian D. Analisis data diproses dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) yang dipersembahkan dalam bentuk jadual. Pengkaji telah mengedarkan 60 set soal selidik dan kesemuanya dapat dikutip kembali. Oleh itu jumlah responden yang digunakan untuk kajian ini ialah sebanyak 60 orang (n= 60).

Kemahiran Murid Menggunakan Internet

Daripada analisis yang telah dilakukan daptati seramai 36 orang (60.0%) responden kajian kurang mahir menggunakan komputer, seramai 20 orang pula (33.3%) mahir menggunakan komputer dan empat orang (6.7%) sangat mahir menggunakan komputer. Tiada responden kajian yang tiada pengetahuan atau kemahiran dalam menggunakan komputer. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Kemahiran Menggunakan Komputer

Bangsa	Bilangan	Peratus
Tiada pengetahuan	-	-
Kurang mahir	36	60
Mahir	20	33.3
Sangat mahir	4	6.7
Jumlah	60	100

Daripada analisis yang telah dilakukan didapati seramai 10 orang (16.7%) responden mempunyai kemudahan komputer dan Internet dirumah manakala seramai 50 orang (83.3%) tidak mempunyai kemudahan komputer dan Internet dirumah. Ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Kemudahan Komputer dan Internet di Rumah

Kemudahan komputer dan internet	Bilangan	Peratus
Ya	10	16.7
Tidak	50	83.3
Jumlah	60	100

Strategi Pembelajaran Kolaboratif

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang kedua iaitu :

Adakah bahan pengajaran ini dapat membantu pelajar dalam mengaplikasikan strategi pembelajaran secara kolaboratif?

Jadual 6

Strategi Pembelajaran Kolaboratif

NO	ITEM	PERATUSAN & KEKERAPAN				
		TS %	KS %	TP %	S %	SS %
1	Strategi pembelajaran yang digunakan memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran	0 (0)	0 (0)	0 (0)	50 (83.3)	10 (16.7)
2	Mampu meningkatkan keyakinan diri	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	58 (96.7)	0 (0)
3	Membantu menguasai isi kandungan pelajaran dengan berkesan	0 (0)	0 (0)	4 (6.7)	50 (83.3)	6 (10.0)
4	Menarik perhatian saya untuk belajar	0 (0)	0 (0)	6 (10.0)	44 (73.3)	10 (16.7)
5	Memudahkan menerima maklumat dan pembelajaran	4 (6.7)	0 (0)	2 (3.3)	38 (63.3)	16 (26.7)
6	Memahami sesuatu topik menerusi aktiviti yang disediakan	0 (0)	6 (10)	4 (6.7)	50 (83.3)	0 (0)
7	Mampu meningkatkan motivasi untuk belajar	0 (0)	0 (0)	4 (6.7)	30 (50.0)	26 (43.3)
8	Membantu berfikir pada aras lebih tinggi	0 (0)	0 (0)	4 (6.7)	46 (76.6)	10 (16.7)
9	Meningkatkan kolaborasi dan interaksi antara pelajar dan guru	0 (0)	0 (0)	8 (13.3)	42 (70)	10 (16.7)
10	Menggalakkan pembelajaran konstruktif	2 (3.3)	0 (0)	0 (0)	40 (66.6)	18 (30)
11	Berpeluang mengulangkaji pelajaran	0	0	2	56	2

	mengikut kemampuan	(0)	(0)	(3.3)	(93)	(3.3)
12	Memudahkan membuat rujukan untuk meningkatkan kefahaman	0 (0)	0 (0)	0 (0)	58 (96.7)	2 (3.3)
13	Keseluruhannya strategi pembelajaran yang digunakan mampu menarik minat untuk belajar	0 (0)	0 (0)	0 (0)	48 (80.0)	12 (20.0)

Hasil dapatan bagi strategi pembelajaran kolaboratif dapat dilihat dalam Jadual 6. Terdapat 12 item di dalam reka bentuk strategi pembelajaran. Mengikut item 1 iaitu strategi pembelajaran yang digunakan memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran, seramai 50 orang (83.3%) memilih setuju dan 10 orang (16.7 %) sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan dapat memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran.

Bagi item 2 pula berkenaan peningkatan keyakinan diri melalui reka bentuk strategi pembelajaran yang digunakan, seramai 58 orang (96.7%) responden menyatakan sangat setuju, manakala hanya dua orang (3.3%) pula memilih tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa strategi yang digunakan mampu untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar.

Item 3 iaitu reka bentuk ini membantu pelajar menguasai isi kandungan pelajaran dengan berkesan seramai 50 orang (83.3%) responden kajian memilih setuju, enam orang (10.0%) menyatakan sangat setuju manakala empat orang (6.6 %) pula memilih bahawa mereka tidak pasti.

Bagi item 4 berkaitan dengan reka bentuk strategi pembelajaran menarik perhatian untuk belajar, seramai 10 orang (16.7%) menyatakan sangat setuju, 44 orang (73.3%) responden kajian memilih setuju, dan enam orang (10.0 %) memilih tidak pasti dalam hal ini.

Bagi item 5 iaitu reka bentuk strategi pembelajaran ini memudahkan menerima maklumat dan pembelajaran, seramai 16 orang (26.7%) menyatakan sangat setuju, 38 orang (63.3%) responden kajian memilih setuju, seramai empat orang (6.7%) memilih tidak setuju dan dua orang (3.3%) memilih tidak pasti.

Item 6 pula iaitu penggunaan reka bentuk strategi pembelajaran ini membolehkan pelajar memahami sesuatu topik menerusi aktiviti yang disediakan, 50 orang (83.3%) memilih setuju, enam orang (10.0 %) menyatakan tidak setuju dalam hal ini dan empat orang (6.7%) memilih tidak pasti.

Item 7 pula iaitu penggunaan reka bentuk strategi pembelajaran ini mampu meningkatkan motivasi untuk belajar, 26 orang (43.3%) memilih sangat setuju, 30 orang (50.0 %) menyatakan setuju dalam hal ini manakala empat orang (6.7%) memilih tidak pasti.

Item 8 pula iaitu penggunaan reka bentuk strategi pembelajaran ini membantu pelajar berfikir pada aras yang lebih tinggi, 10 orang (16.7%) memilih sangat setuju, 46 orang (76.6 %) menyatakan setuju dalam hal ini dan empat orang (6.7%) memilih tidak pasti. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa penggunaan reka bentuk strategi pembelajaran ini membantu mereka berfikir pada aras yang lebih tinggi.

Item 9 pula iaitu penggunaan reka bentuk strategi pembelajaran ini membantu meningkatkan kolaborasi dan interaksi antara pelajar dan guru, 10 orang (16.7%) memilih sangat setuju, 46 orang (76.6 %) menyatakan setuju dalam hal ini dan empat orang (6.7%) memilih tidak pasti. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar bersetuju bahawa penggunaan rekabentuk strategi pembelajaran ini membantu meningkatkan kolaborasi dan interaksi antara pelajar dan guru.

Item 10 pula iaitu penggunaan rekabentuk strategi pembelajaran ini menggalakkan pembelajaran konstruktif, 18 orang (30%) memilih sangat setuju, 40 orang (66.6 %) menyatakan setuju dalam hal ini dan dua orang (3.3%) memilih tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa laman web yang telah dibina ini menggalakkan pembelajaran konstruktif melalui aktiviti yang disediakan.

Item 11 pula iaitu pelajar berpeluang mengulangkaji pelajaran mengikut kemampuan, dua orang (3.3%) memilih sangat setuju, 56 orang (93.3 %) memilih setuju dalam hal ini dan 2 orang (3.3%) memilih tidak pasti.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar-pelajar bersetuju bahawa mereka berpeluang mengulangkaji pelajaran mengikut kemampuan mereka.

Item 12 pula iaitu memudahkan membuat rujukan melalui pautan lain yang disediakan, dua orang (3.3%) memilih sangat setuju manakala 58 orang (69.7 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa laman web ini memudahkan mereka membuat rujukan melalui pautan lain yang disediakan. Pautan yang disediakan membolehkan pelajar meneroka dan menjelajah bagi memperolehi lebih banyak maklumat dan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris.

Item yang akhir sekali iaitu secara keseluruhannya strategi pembelajaran yang digunakan mampu menarik minat untuk belajar didapati seramai 12 orang (20.0%) memilih sangat setuju dan 48 orang (80.0 %) menyatakan mereka setuju. Dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar bersetuju bahawa strategi pembelajaran yang digunakan mampu menarik minat untuk belajar.

Kajian Reka Bentuk

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang ketiga iaitu :

Apakah persepsi pelajar terhadap bahan pembelajaran yang dibangunkan dilihat dari segi reka bentuk antara muka dan reka bentuk isi kandungan?

Jadual 7
Reka Bentuk Antara Muka

NO	ITEM	PERATUSAN & KEKERAPAN				
		TS %	KS %	TP %	S %	SS %
1	Grafik yang digunakan bersesuaian dan membantu proses pembelajaran	2 (3.3)	0 (0)	2 (3.3)	54 (90.0)	2 (3.3)
2	Gambar yang digunakan menarik perhatian	0 (0)	0 (0)	0 (0)	32 (53.3)	28 (46.7)
3	Rekabentuk skrin mudah dan ringkas	0 (0)	0 (0)	0 (0)	48 (80.0)	12 (20.0)
4	Reka bentuk skrin sistem pembelajaran bersesuaian dengan media pelajaran	0 (0)	0 (0)	0 (0)	54 (90.0)	6 (10.0)
5	Pemilihan warna dan ikon adalah bersesuaian dan menarik	0 (0)	0 (0)	0 (0)	50 (83.3)	10 (16.7)
6	Susunan skrin bagi setiap halaman teratur dan mudah dikesan	0 (0)	0 (0)	0 (0)	52 (86.7)	8 (13.3)
7	Sistem navigasi yang disediakan mudah dikenalpasti dan mesra pengguna	0 (0)	0 (0)	0 (0)	50 (83.3)	10 (16.7)
8	Saiz paparan adalah sesuai	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	46 (76.7)	12 (20.0)
9	Tidak mengandungi kesilapan ejaan	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	38 (63.3)	20 (33.3)
10	Tidak menyebabkan pelajar sesat dalam penerokaan	0 (0)	0 (0)	4 (6.7)	48 (80.0)	8 (13.3)
11	Laras bahasa yang digunakan mudah difahami	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	28 (46.7)	30 (50.0)
12	Tiada gangguan teknikal sepanjang saya menggunakan laman web ini	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	40 (66.7)	18 (30.0)

Hasil dapatan bagi reka bentuk antara muka dapat dilihat dalam Jadual 7. Terdapat 12 item di dalam reka bentuk antara muka ini. Item yang mendapati persetujuan majoriti “sangat setuju” adalah: Item 11 pula iaitu laras bahasa yang digunakan, 30 orang (50.0%) memilih sangat setuju, 28 orang (46.7 %) memilih setuju dalam hal ini dan 2 orang (3.3%) memilih tidak pasti. Ini menunjukkan hampir kesemua responden bersetuju bahawa laras bahasa yang digunakan mudah difahami.

Item yang mana majoriti pelajar persetujui pada tahap “setuju” adalah seperti berikut: item 1 iaitu grafik yang digunakan bersesuaian dan membantu proses pembelajaran, seramai 54 orang (90.0%) memilih setuju. Ini

menunjukkan bahawa grafik yang digunakan didalam laman web ini adalah bersesuaian dan membantu dalam proses pembelajaran; item 2 berkenaan gambar yang digunakan dapat menarik perhatian pelajar, 28 orang (46.7%) pula memilih sangat setuju manakala seramai 32 orang (53.3%) responden menyatakan setuju. Ini menunjukkan bahawa gambar yang digunakan mampu untuk perhatian pelajar; Item 3 iaitu reka bentuk skrin adalah mudah dan ringkas, seramai 12 orang (20.0%) responden kajian sangat setuju dan 48 orang (80.0%) menyatakan setuju bahawa reka bentuk skrin adalah mudah dan ringkas. Dapatkan kajian menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa reka bentuk skrin laman web ini adalah mudah dan ringkas; item 4 berkaitan dengan reka bentuk skrin sistem pembelajaran bersesuaian dengan media pengajaran, seramai 54 orang (90.0 %) menyatakan setuju dan 6 orang (10.0%) responden kajian memilih sangat setuju. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju reka bentuk skrin sistem pembelajaran ini bersesuaian dengan media pengajaran.

Bagi Item 5 iaitu pemilihan warna dan ikon adalah bersesuaian dan menarik, seramai 50 orang (83.3%) memilih setuju. Ini menunjukkan bahawa pemilihan ikon adalah bersesuaian dan menarik; Item 6 pula iaitu susunan skrin bagi setiap halaman teratur dan mudah dikesan, 52 orang (86.7 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatkan kajian menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa susunan skrin bagi setiap halaman teratur dan mudah dikesan; Sistem navigasi yang disediakan mudah dikenal pasti dan mesra pengguna merupakan item ke 7 di dalam bahagian D. Seramai 50 orang (83.3 %) menyatakan setuju dalam hal ini; Item 8 pula iaitu saiz paparan yang digunakan adalah sesuai atau tidak, 46 orang (76.6 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa saiz paparan bagi laman web yang dibina ini adalah bersesuaian; Item 9 pula iaitu reka bentuk antara muka ini tidak mengandungi kesilapan ejaan, 38 orang (63.3 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar-pelajar setuju bahawa rekabentuk antara muka ini tidak mengandungi kesilapan ejaan; Item 10 pula iaitu reka bentuk antara muka ini tidak menyebabkan pelajar sesat dalam penerokaan, 8 orang (13.3%) memilih sangat setuju, 48 orang (80.0 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar bersetuju bahawa rekabentuk antara muka ini tidak menyebabkan pelajar sesat dalam penerokaan. Item yang akhir sekali iaitu tiada gangguan teknikal semasa saya menggunakan laman web ini, didapati seramai 18 orang (30.0%) memilih sangat setuju, 40 orang (66.7%) memilih setuju dan 2 orang (3.3%) menyatakan tidak pasti. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar bersetuju bahawa tiada gangguan teknikal semasa menggunakan laman web ini.

Reka Bentuk Isi Kandungan

Hasil dapatan bagi reka bentuk antara muka dapat dilihat dalam Jadual 8. Terdapat 12 item di dalam reka isi kandungan ini. Bagi item 1 iaitu kandungan laman web ini memenuhi sukanan pelajaran yang ditetapkan seramai 56 orang (93.3%) memilih setuju dan 4 orang (6.7%) memilih sangat setuju. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kandungan laman web ini memenuhi sukanan pelajaran yang ditetapkan.

Bagi item 2 pula iaitu kandungan laman web ini menepati kumpulan sasaran, 40 orang (66.7%) memilih setuju, 18 orang (30.0%) memilih sangat setuju manakala seramai 2 orang (3.3%) responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa kandungan laman web ini menepati kumpulan sasaran.

Jadual 8

Reka Bentuk Isi Kandungan

NO	ITEM	PERATUSAN & KEKERAPAN				
		TS %	KS %	TP %	S %	SS %
1	Kandungan laman web ini memenuhi sukanan pelajaran yang ditetapkan	0 (0)	0 (0)	0 (0)	56 (93.3)	4 (6.7)
2	Kandungan laman web ini menepati kumpulan sasaran	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	40 (66.7)	18 (30)
3	Kandungan dan maklumat yang disampaikan adalah teratur dan memudahkan pembelajaran	0 (0)	0 (0)	0 (0)	34 (56.7)	26 (43.3)
4	Terdapat lebih dari satu bentuk capaian maklumat yang disediakan oleh sistem pembelajaran ini.	0 (0)	2 (3.3)	2 (3.3)	26 (43.3)	30 (50.0)
5	Perjalanan persembahan maklumat di dalam sistem pembelajaran ini senang diikuti	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	50 (83.3)	8 (13.3)
6	Pelajar mudah untuk mencapai maklumat yang diperlukan	0 (0)	0 (0)	0 (0)	44 (73.3)	16 (26.7)
7	Pelajar jelas dan faham isi kandungan maklumat yang disampaikan	0 (0)	0 (0)	0 (0)	46 (76.7)	14 (23.3)

8	Struktur sistem pembelajaran ini membolehkan pelajar memberi tumpuan terhadap apa yang ingin dicapai dalam proses pembelajaran	0 (0)	0 (0)	0 (0)	34 (56.7)	26 (43.3)
9	Sistem pembelajaran ini menyediakan pautan (link) ke laman web lain yang berkaitan	0 (0)	0 (0)	2 (3.3)	46 (76.7)	12 (20.0)
10	Pengguna boleh mencapai maklumat yang diperlukan dengan mudah	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	18 (30.0)
11	Sistem pembelajaran ini menyediakan peluang pelajar untuk berinteraksi	0 (0)	4 (6.7)	0 (0)	40 (66.7)	16 (26.7)
12	Sistem pembelajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk membuat refleksi	0 (0)	0 (0)	4 (6.7)	44 (73.3)	12 (20.0)

Kesemua item mencapai tahap persetujuan yang tinggi, Item 3 iaitu kandungan dan maklumat yang disampaikan adalah teratur dan memudahkan pembelajaran; Bagi item 4 berkaitan dengan terdapat lebih dari satu bentuk capaian maklumat yang disediakan oleh sistem pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar setuju bahawa terdapat lebih dari satu bentuk capaian maklumat yang disediakan oleh sistem pembelajaran ini; perjalanan persempahan maklumat di dalam sistem pembelajaran ini senang diikuti; pelajar mudah untuk mencapai maklumat yang diperlukan; pelajar jelas dan faham isi kandungan maklumat yang disampaikan. Empat belas orang (23.3%) memilih sangat setuju dan 46 orang (76.7 %) menyatakan setuju dalam hal ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar jelas dan faham isi kandungan maklumat yang disampaikan.

Item 8 pula iaitu struktur sistem pembelajaran ini membolehkan pelajar memberi tumpuan terhadap apa yang ingin dicapai dalam proses pembelajaran, 26 orang (43.3%) memilih sangat setuju dan 34 orang (56.7%) memilih setuju. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar setuju bahawa struktur sistem pembelajaran ini membolehkan pelajar memberi tumpuan terhadap apa yang ingin dicapai dalam proses pembelajaran. Item 9 pula iaitu sistem pembelajaran ini menyediakan pautan ke laman web lain yang berkaitan, 12 orang (20.0%) memilih sangat setuju, 46 orang (76.7%) menyatakan setuju dalam hal ini dan 2 orang (3.3%) memilih tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa sistem pembelajaran ini menyediakan pautan ke laman web lain yang berkaitan. Item 10 pula iaitu pengguna boleh mencapai maklumat yang diperlukan dengan mudah, 18 orang (30.0%) memilih sangat setuju dan 42 orang (70.0%) memilih setuju. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengguna boleh mencapai maklumat yang diperlukan dengan mudah.

Item 11 pula iaitu sistem pembelajaran ini menyediakan peluang pelajar untuk berinteraksi, 16 orang (26.7%) memilih sangat setuju, 40 orang (66.7%) memilih setuju dalam hal ini dan 4 orang (6.7%) kurang setuju. Ini menunjukkan bahawa sistem pembelajaran ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi. Item 12 pula iaitu sistem pembelajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk membuat refleksi , 12 orang (20.0%) memilih sangat setuju, 44 orang (73.3%) memilih setuju dalam hal ini dan 4 orang (6.7%) memilih tidak pasti. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti pelajar setuju bahawa sistem pembelajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk membuat refleksi.

KESIMPULAN

Melalui borang soal selidik yang telah dilaksanakan didapati, 60 peratus responden kurang mahir dalam menggunakan komputer. Ini kerana kebanyakan responden tidak mempunyai komputer dirumah dan hanya menggunakan komputer yang terdapat dimakmal sekolah sahaja. Di samping itu, hanya 10 responden mempunyai kemudahan komputer dengan rangkaian Internet di rumah. Ini menunjukkan bahawa penggunaan komputer dan Internet di kawasan kampung belum mencapai tahap penggunaan yang optimum.

Hasil dapatan soal selidik menunjukkan bahawa 83% pelajar berpendapat bahawa strategi pembelajaran kolaboratif yang diaplikasikan dapat memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran. Di samping itu, 97% pelajar berpendapat bahawa strategi yang digunakan mampu meningkatkan keyakinan diri untuk belajar. Tiga perempat pelajar pula memberi pendapat bahawa strategi yang digunakan membantu dalam menguasai isi kandungan pelajaran dengan lebih berkesan. Ini kerana pembelajaran komponen kesusasteraan memerlukan pelajar memberi tumpuan yang sepenuhnya bagi memahami sesuatu tajuk tersebut.

Lebih 80% pelajar berpendapat bahawa strategi pembelajaran kolaboratif mampu menarik perhatian untuk belajar, memudahkan penerimaan maklumat dan pembelajaran disamping dapat memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam menerusi aktiviti yang disediakan di dalam laman web. Motivasi untuk belajar juga meningkat. Ini dibuktikan dengan kedatangan pelajar lima minit lebih awal ke makmal komputer bagi mata pelajaran bahasa

Inggeris. Melalui proses kolaborasi yang diaplikasikan, ia membantu pelajar untuk berfikir pada aras yang lebih tinggi. Interaksi antara pelajar dan guru juga semakin meningkat. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa reka bentuk antara muka bagi laman web ini adalah sesuai bagi pelajar Tahun Empat. Kesemua item yang berkaitan dengan reka bentuk antara muka seperti grafik, reka bentuk skrin, pemilihan warna dan ikon, saiz paparan dan laras bahasa mendapat peratusan yang lebih daripada 80%. Ini jelas menunjukkan bahawa reka bentuk antara muka yang digunakan adalah sesuai dalam pembinaan laman web ini. Terdapat 13 item bagi melihat persepsi pelajar dari segi reka bentuk isi kandungan. Dapatkan kajian pelajar dari segi reka bentuk isi kandungan menunjukkan bahawa lebih 80% pelajar berpendapat bahawa reka bentuk isi kandungan laman web yang telah dihasilkan ini bersesuaian dengan strategi pembelajaran yang digunakan. Lebih 80% pelajar bersetuju bahawa kandungan dan maklumat yang disampaikan adalah teratur dan memudahkan pembelajaran. Secara keseluruhannya isi kandungan dalam sistem pembelajaran ini dapat mencapai objektif dan keperluan pelajar.

Berdasarkan dapatan dan kesimpulan yang telah dilakukan, sistem pembelajaran berdasarkan web yang dibangunkan ini dapat memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris Darjah Empat. Ini kerana bahan sumber untuk pembelajaran tidak hanya terhad kepada buku semata-mata sebaliknya ia juga boleh didapati di atas talian. Ini dapat memudahkan guru untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan pengajaran yang terdapat di atas talian juga mudah diubah suai mengikut tahap kemampuan pelajar.

RUJUKAN

- Alessi, S. M., & Trollip, S. R. (2001). *Multimedia for Learning Methods and Development*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Aronson, E., Bridgeman, D., & Geffner, R. (1978). The effects of a cooperative classroom structure on student behavior and attitudes. In D. Bar-Tal & L. Saxe (Eds.), *Social psychology of education: Theory and research* (pp. 257-272). Washington, DC: Wiley.
- Ausubel, D. (1963). *The psychology of meaningful verbal learning*. New York, NY: Grune & Stratton.
- Che Ton Mahmud. (2005). *The teaching of Literature in the English Language component in selected rural secondary schools in Perak*.
- Cheung Wing Sum, & Hew Khe Foon. (2002, December). Using multimedia storybooks to improve reading comprehension. *Guidelines*, hlm.15-22.
- Chua Siew Geck. (2002). *Pembangunan perisian PPBK perkakasan komputer*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Craig, G. A., Rice, F. M., & Gordon, E. J. (1964). *English literature*. Boston, MA: Ginn.
- Danziger, M. K., & Johnson, W. S. (1983). *Pengenalan kritikan sastera*. Terj. Johan Jaafar, Hamdan Yahya, Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- DeVries, D., & Slavin, R. E. (1978). Teams-games-tournaments: A research review. *Journal of Research and Development in Education*, 12(1), hlm. 28-38.
- Dick, W., & Carey, L. (1996). *The systematic design of instruction*. New York, NY: Harper Collins.
- Romney, Claude. (1996). The benefits of collaborative learning. Dimuat turun daripada <http://www.ucalgary.ca/pubs/Newsletters/Currents/Vol3.6/Benefits.html>
- Duffy, T. M., & Jonassen, D. H. (Eds.) (1992). Constructivism and the technology of instruction: A conversation. Hillsdale, NJ: Erlbaum. On Cooperation in Schools: A Conversation with David and Roger Johnson. Source: Educational Leadership.
- Fauziah Ahmad. (2006). *Teaching methods used in the teaching of the literature component in secondary schools*. Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ganakumaran, S., Shahizah & Koo, Y. L. (2003). *The incorporation of the Literature Component in the Malaysian ESL syllabus for secondary school. A study of pedagogical implications*. Petaling Jaya: Sasbadi.

Gokhale, A.A. (1995). Collaborative Learning Enhances Critical Thinking. Dimuat turun daripada (Digital Library and Achhives) <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JTE/jte-v7n1/golkhale.jte-v7n1.html>

Gurnam Kaur, S. (2003). Literature in the Language Classroom seeing through the eyes of the learners. Dalam S. Ganakumaran & M. Edwin, M. (Ed.). *Teaching of literature in ESL/EFL contexts* (hlm. 88-110). Petaling Jaya: Sasbadi.

Hashim Asman, Azizah Aziz, Mohd. Hidzir Abdul Rashid, & Samudin Kassan. (2002). "Educational Learning Management System (ELMaS): Model Generik Sistem Pengurusan Pembelajaran Berasaskan Web Untuk Latihan Perguruan". Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan, Maktab Perguruan Batu Lintang, Sarawak.

Hazimah Hj. Samin. (2006). *Pembangunan perisian multimedia bagi mata pelajaran Pengajian Am bertajuk Sistem Kehakiman di Malaysia berdasarkan pendekatan konstruktivisme*. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia

Hwang Tchun Ye @ Diana Hwang. (2005). *Approaches employed by teachers in teaching the literature component in English in urban secondary schools*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi.

Jaffa, D. (2004). Independent report links e-learning with improved results. Computer Education, 106. Stafford, UK: Staffordshire University.

Jamaluddin Harun, Baharuddin Aris, & Zaidatun Tasir. (2001). *Pembangunan perisian multimedia: Satu pendekatan sistematis*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Jamaludin Mohaidin. (1999). Konstruktivisme: Aplikasinya dalam rekabentuk pembelajaran berasaskan web, Teknologi Instruksi Dan Pendidikan Bestari: Persediaan Dan Cabaran Dalam Alaf Baru: 1-14, Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur

Jones & Fortescue (1987). *Using computers in the language classroom*. Singapore: Longman.

Kulik, J. (1994). Meta-analytic studies of findings on computer-based instruction. Dlm. E. L. Baker & H. F. O'Neil, Jr. (Eds.), *Technology assessment in education and training* (hlm. 9-33). Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Kagan, S. (1985). "Co-op co-op: A flexible cooperative learning technique." In R. Slavin, S. Sharan, S. Kagan, R. Hertz-Lazarowitz, C. Webb, & R. Schmuck (Eds.), *Learning to cooperate, cooperating to learn* (hlm. 437-452). New York, NY: Plenum.

Kamarudin Hj. Husin, & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: Kesusastraan dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Budiman.

Kamaruzzaman Ismail (2001). *Penggunaan komputer di kalangan pengajar dan pelajar di sebuah institusi pengajian teknikal*. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khairezan Mohd Rahmat, & Zarina Samsudin. (2005). *Rekabentuk Perisian Pembelajaran berasaskan web serta kesannya ke atas prestasi pelajar*. Pembentangan dalam National Conference on Skills and Competencies in Education 2005, Universiti Sains Malaysia, 28-30 November, 2005.

Khan, B. H. (1997). *Web-based instruction*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publications.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). *Edisi percubaan: Modul Latihan Sek Bestari – Kemahiran berfikir secara Kritis dan kreatif* (unit 1).

Lai Kim Leong. (2007). *Persepsi pelajar terhadap pembelajaran penyelesaian masalah Matematik berasaskan Web dengan pendekatan konstruktivis*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.

Lau, S., & Mohamad, F. S (2002). Online learning, is it meant for science courses? *Internet and Higher Education* 5. hlm. 109-118.

Law, N., Y. Lee, & Chow, A. (2002). Practice characteristics that lead to 21st century learning outcomes. *Journal of Computer Assisted Learning*, 18, hlm. 415-426.

Learnframe (2001) Digital Pipe and Learnframe Partner to Accelerate E-Learning. Foster City, Calif./DRAPER, Utah. (BUSINESS WIRE)

Lee, N. N. Molly, Yoong Suan, Loo Siew Piew, Khadijah Zon, Munirah Ghazali & Lim Chap Sam. (1996). Students' Orientation Towards Science and Mathematics: Why are Enrolment Falling, Monograph Series No: 1/1996, Penang: School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia.

Madden, N. A., Slavin, R. E., & Stevens, R. J (1986). *Cooperative integrated reading and comparison: Team's manual*. Baltimore, MD: Johns Hopkins University, Center for Research on Elementary and Middle Schools.

Mohd Arif Hj. Ismail, & Mohd Jasmy Abd. Rahman. (2000). Pembinaan Laman Web untuk pengajaran: Fokus terhadap kursus GE 2123 Teknologi dan Inovasi dalam Pendidikan. *Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000* (hlm. 254-262).

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI* (Sekolah Rendah: Komponen 1 & 2) Psikologi Pendidikan & Pedagogi. Subang: Budiman.

Motiwalla, L., & Tello, S. (2000). Distance learning on the Internet: An exploratory study. *The Internet and Higher Education*, 253-264.

Noor Azliza binti Che Mat. (2001). *Pembelajaran berbantuan multimedia bagi Sains KBSM: Pendekatan konstruktivisme berkaitan rupa reka bentuk bumi dan kejadian siang dan malam*. Tesis Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

Norhayati Abdul Mukti. (1999). *Perisian pengarangan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Norizan Ahmad. (2005). *Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sains di Sekolah Menengah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nurmala Othman. (2006). *Penggunaan komputer di kalangan guru sains sekolah menengah di Taiping*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pang, Alex C. (1998). Optimize the web for better instruction. Dlm. *SITES 98: Proceedings Society for information technology & teacher education international conference* (hlm 10-14).

Panitz, T. (1997). Benefits of Collaborative Learning (Western Oregon University), Dimuat turun daripada http://www.wo.edu/las/natsci_math/math/class/cooplist.html

Parilah Shah. (2000). Underachievement among Malaysian English language learners: Perception of their life experiences. Dlm. *Proceeding Strategizing teaching language learning in the 21st century* (hlm. 1103-1116).

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*.

Rahimi Md. Saad, Wan Nordin Wan Abdullah, & Zawawi Ismail. (2005). Web-Based Teaching and Learning Arabic, MPBL Educational Research Seminar 2, Kuching, 15th-16th September 2005. hlm. 3-9.

Ramlah Jantan. (2002). *Psikologi pendidikan pendekatan kontemporari*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Sims, Roderick C. H. (1997). Interactive learning as an "emerging" technology: A reassessment of interactive and instructional design strategies. *Australian Journal of Educational Technology*, 13(1), 68-84. Dimuat turun daripada <http://www.ascilite.org.au/ajet/ajet13/sims.html>

Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak, & Zalizan Mohd Jelas. (2004). Students with different needs: Implications for English Language Teaching and Learning. Dlm. *Proceedings of the National Seminar on English Language Teaching* (hlm. 60-71).

Rosni Adom. (2001). *Pembangunan perisian multimedia ekonomi asas bagi tajuk "Pengenalan kepada ekonomi"*. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozita Radhiah. (2003). *Keberkesanan penguasaan penulisan Bahasa Melayu berbantuan komputer berbanding pendekatan konvesional dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua*. Kertas Projek Sarjana Universiti Putra Malaysia.

Schrage. M. (1990). *Shared minds: The new technologies of collaboration*. New York, NY: Random House.

Schulz, B. (2003). Collaborative learning in an online environment: Will it work for teacher training? Dlm. *Proceedings of the 14th Society for Information Technology and Teacher Education International Conference (SITE)* (hlm. 503-504). Charlottesville, VA: AACE.

Sharan, S., Kussel, P., Hertz-Lazarowits, R., Bejarano, Y., Raviv, S., & Sharan, Y. (1984). *Cooperative learning in the classroom: Research in desegregated schools*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Sharifah Norul Akmar Syed Zamri. (2004). Konstruktivisme radikal dan temu duga klinikal dalam penyelidikan pendidikan Matematik. Dlm. Marohaini Yusof (Ed.),

Siti Norliana. (2003). *Learner profile based on attitudes towards literature*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Slavin, R. E. (1980). *Using student team learning*. Baltimore, MD: Johns Hopkins University, Center for Social Organization of Schools.

Smith, B. L., & MacGregor, J. T. (1992). What is collaborative learning? Dlm. A. Goodsell, M. Mahler, V. Tinto, B. L. Smith, & J. MacGregor (Eds.), *Collaborative learning: A sourcebook for higher education*, University Park, PA: National Center on Postsecondary Teaching, Learning, and Assessment.

Soekartawi. (2006, Februari). Peran Strategis e-Learning dalam Mendukung Penyelenggaraan. Pendidikan Pertanian di Era Global. *Majalah Canopy*, 48, pp: 52-53.

Stepp-Greany. (2002, January). A student perceptions on language learning in a technological environment; Implications for the new millennium. *Language learning & technology*, 6(1), hlm.165-180. Dimuat turun daripada <http://llt.msu.edu/vol16num1/STEPPGREANY/> default.html

Suriya Kumar, S. (2004). *A study of the motivational factors that influence the learning of the learning of literature among upper secondary school students in Negeri Sembilan*. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Von Glaserfeld, Ernst, (1995). *Radical constructivism: A way of knowing and learning*. London, UK: The Falmer Press.

Wilson, S. (2000, May). Teaching English in the two year college. 27(4). Dalam Smokey Wilson (penyt.), *When computers come to English class*. (hlm. 387-399).

Woolnough (1993). Teacher's perception of reasons students choose for, or against, science & engineering. *School Science Review*, 75, hlm 270.

Yesuiah, S. (2003). *Using an integrated approach in the teaching of the literature component in the English Language programme for secondary schools*. Laporan Praktikum M.A. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamrudah Ahmad Rashidi. (2001). *A study of the teaching and learning of literature in two form 1 class*. Kuala Lumpur.

Zarul Akmar bin Abu Bakar. (2002). *Pembangunan perisian pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK): Mengenal papan induk*. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuraida Yusof. (2003). *Pembangunan dan penilaian perisian multimedia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, PTSI, UKM.